



## JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG

### **TATACARA PELAKSANAAN TEMUDUGA KHAS SECARA ATAS TALIAN (MENGGANTIKAN KURSUS PRA PERKAHWINAN ISLAM) DI NEGERI PULAU PINANG SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP 2.2) MULAI 27 JANUARI 2021**

Adalah dimaklumkan, bahawa Tatacara ini dikeluarkan selaras dengan tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP 2.2) yang berkuatkuasa mulai dari 27 Januari 2021 hingga ada arahan lain yang dikeluarkan dari masa ke semasa. Tatacara ini hendaklah dipatuhi dalam pelaksanaan Temuduga Khas secara atas talian.

1. Pendaftaran
  - 1.1 Pendaftaran boleh dibuat melalui laman sesawang <http://emunakahat.penang.gov.my>.
  - 1.2 Yuran pendaftaran sebanyak RM80.00 hendaklah dimasukkan ke dalam akaun Maybank 557241050817 diatas nama Tabung Pembangunan Keluarga Masjid Negeri.
  - 1.3 Setelah bayaran dibuat pemohon hendaklah menghantar slip bank melalui aplikasi whatsapp melalui nombor telefon mudah alih Pejabat Agama Daerah (PAD) berikut:-
    - PAD Barat Daya – 04-8668525/011-13777363
    - PAD Timur Laut – 04-2612979/01111442317
    - PAD Seberang Perai Tengah – 04-5386451/019-4162611
    - PAD Seberang Perai Utara (Butterworth) – 04-3511521/019-4150612
    - PAD Seberang Perai Utara (Kepala Batas) – 04-5751182/010-5130361
    - PAD Seberang Perai Selatan – 04-5821001/013-9243767
  - 1.4 Urusetia akan mengedarkan bahan kursus termasuk buku rujukan kursus dan alat tulis sebaik bayaran telah dibuat.

1.5 Peserta yang berjaya mendaftar diingatkan supaya mengulangkaji semua tajuk yang terkandung di dalam buku rujukan yang dibekalkan sebelum hadir ke sesi temuduga.

## 2. Sesi Temuduga

2.1 Temuduga Khas diadakan secara atas talian menggunakan aplikasi *Google Meet* atau medium atas talian lain yang bersesuaian.

2.2 Urus setia akan menghantar pautan link aplikasi yang digunakan kepada setiap peserta melalui whatsapp.

2.3 Temuduga akan dikendalikan sepenuhnya oleh seorang panel dan dibantu oleh beberapa orang urusetia.

2.4 Temuduga diadakan pada hari Sabtu atau Ahad mengikut sesi dan masa yang ditetapkan oleh Pejabat Agama Daerah (PAD).

2.5 Susunan jadual dibuat sebanyak tiga (3) sesi iaitu:

- 8.30 -10.00 pagi
- 10.30 – 12.00 tengahari dan
- 12.30 - 2.00 tengah hari

2.6 Tempoh had masa bagi setiap sesi adalah 90 minit (1½ jam).

2.7 Jumlah maksimum calon temuduga bagi setiap sesi ialah 10 orang.

2.8 Sesi temuduga dilaksanakan secara soal jawab spontan, perbincangan dan pencerahan oleh panel temuduga.

2.9 Panel juga akan meminta peserta menyalin beberapa maklumat penting yang diberikan, kemudian akan diminta mana-mana peserta untuk membacanya semula.

2.10 Panel akan membuat penilaian ke atas setiap peserta semasa sesi berlangsung. Markah akan diberikan berdasarkan isi jawapan dan tahap kefahaman peserta semasa sesi perbincangan diadakan.

## 3. Kiraan Lulus/Gagal Temuduga

3.1 Markah lulus ialah markah terkumpul yang diperolehi sebanyak 16/20 ke atas. Manakala markah gagal ialah markah terkumpul di bawah 15/20.

3.2 Setiap peserta dikehendaki berusaha menjawab soalan-soalan yang dikemukakan kepadanya dan markah akan diberikan mengikut tahap jawapan yang diberikan.

3.3 Peserta yang gagal dikehendaki mengulang semula pada sesi berikutnya yang akan ditentukan oleh urusetia.

3.4 Bayaran tambahan tidak dikenakan.

#### 4. Peranan Jawatankuasa Pusat Kursus (JPK)

4.1 Menyediakan bilik Temuduga Khas dan kelengkapan lain termasuk peralatan ICT.

4.2 Memastikan Temuduga Khas secara atas talian berjalan lancar termasuk kebolehan capaian internet.

4.3 Menghimpunkan peserta yang tiada capaian internet ke sesi yang lain yang diadakan secara bersemuka selepas tamat (PKP 2.2).

4.4 Memastikan semua petugas mematuhi *Standard Operating Procedure* iaitu:-

a. Memakai penutup muka (*face mask*) dan menyediakan *hand sanitizer* untuk keperluan penal dan petugas.

b. Memastikan penjarakkan fizikal.

c. Mematuhi langkah-langkah keselamatan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan (KKM) dari semasa ke semasa.

#### 5. Sijil Kursus Praperkahwinan

5.1 Sijil Kursus Praperkahwinan akan dikeluarkan kepada peserta yang lulus.

5.2 Sijil tersebut sah digunakan di seluruh Malaysia.

5.3 Peserta yang lulus boleh menerima Sijil Kursus Praperkahwinan selepas tamat (PKP 2.2). Atau boleh dihantar ke alamat yang dinyatakan melalui pos bergantung kepada permintaan pemohon.

Arahan:  
Pengarah,  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang.

Tarikh: 26 Januari 2021/13 Jamadil Akhir 1442

